

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN

**DARIPADA : TUAN HAJI AHMAD AMZAD BIN MOHAMED @
HASHIM [KUALA TERENGGANU]**

TARIKH : 18 JULAI 2018 (RABU)

SOALAN : 53

Tuan Haji Ahmad Amzad bin Mohamed @ Hashim [Kuala Terengganu] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah usaha Kementerian dalam membangunkan industri maritim di Pantai Timur Semenanjung Malaysia.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan sentiasa komited untuk tujuan pembangunan industri maritim di Pantai Timur Semenanjung Malaysia. Sehubungan dengan itu, Kerajaan merangka Pelan-Pelan Induk Perindustrian Negara sejak tahun 1986 yang telah menjadi kerangka penting dalam merencanakan pembangunan pelbagai industri utama negara di antaranya industri pembuatan, industri berasaskan agro dan industri perhidmatan yang memfokus kepada peningkatan output dan peningkatan pendapatan import dan eksport. Di bawah Pelan Induk Perindustrian Negara Ke-3 untuk tempoh 2006-2020 Kerajaan telah memberikan fokus utama bagi tujuan pembangunan sektor perindustrian maritim dan *freight logistic*.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, industri maritim merupakan satu industri yang luas dan memerlukan pelaburan modal yang tinggi. Usaha membangunkan industri maritim juga melibatkan penglibatan pelbagai agensi Kerajaan dan sektor swasta. Kerajaan Persekutuan melalui Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) dan Lembaga Pelaburan Malaysia (MIDA) telah mewujudkan program-program ekonomi dan merangka insentif-insentif tertentu dalam pembangunan industri maritim. Dalam usaha menggiatkan industri maritim di Pantai Timur Semenanjung Malaysia, Kerajaan telah mempromosikan Pelabuhan Kuantan dan industri *oil and gas* dalam menjana pendapatan negara.

Ini jelas dilihat dengan pembangunan Kawasan Perindustrian Gebeng yang menempatkan zon industri petrokimia dan kimia bertaraf dunia

meliputi kawasan seluas 5,600 hektar. Kawasan Perindustrian Gebeng ini juga turut menempatkan Palm Oil Industrial Cluster (POIC) yang dijangka akan menyumbang sehingga 2 juta tan minyak sawit mentah setahun yang majoritinya akan dieksport ke negara luar bagi tujuan penapisan dan pengeluaran produk-produk lain berasaskan *oleo*.

Selain itu, pembangunan projek Taman Perindustrian Kuantan Malaysia – China atau dikenali sebagai Malaysia-China Kuantan Industrial Park (MCKIP) sedang berjalan lancar secara berperingkat bermula sejak tahun 2013 dan dijangka siap pada penghujung 2019. Buat masa ini, Alliance Steel (M) Sdn. Bhd. merupakan pelabur terbesar di MCKIP dengan jumlah pelaburan sebanyak RM5.6 bilion dan MCKIP dijangka akan menjana lebih banyak pelaburan melalui projek-projek yang masih dalam perancangan.

Tuan Yang di-Pertua,

Sebagai usaha menggalakkan lagi pembangunan industri maritim di Pantai Timur Semenanjung Malaysia, Kerajaan telahpun mempunyai rancangan yang sedang dijalankan untuk memperkasakan Pelabuhan Kuantan dengan melaksanakan projek pembangunan terminal laut dalam (*Deep Sea Port*).

Pembinaan terminal laut dalam tersebut telah bermula pada tahun 2013 dan dijangkakan siap pada 2019. Pembinaan terminal laut dalam Pelabuhan Kuantan merangkumi pembinaan pemecah ombak (*breakwater*) yang ditanggung oleh Kerajaan. Selain itu, pembinaan terminal laut dalam tersebut juga akan melibatkan tebus guna tanah, pembinaan dermaga baru serta penggerukan bagi menambah kedalaman

pelabuhan ke 16 meter bagi membolehkan Pelabuhan Kuantan menerima kapal-kapal dagang bersaiz besar untuk berlabuh.

Melalui pembangunan terminal laut dalam tersebut dan dengan terbinanya dermaga baru beserta kedalaman yang baru, kapasiti Pelabuhan Kuantan dijangka akan meningkat dua kali ganda kepada 52 juta tan kargo pada tahun 2019 serta berupaya mengendalikan lebih banyak bilangan kapal termasuk yang bersaiz besar.

Menyedari kepentingan sektor maritim kepada pembangunan ekonomi negara, Kerajaan akan sentiasa berusaha untuk memastikan kemampuan sektor ini agar terus berdaya saing.